

Ops Catut 6.0, Sarawak tidak berkecuali- KPDNHEP

2019-12-23T13:46:23+08:00

oleh Agnes Tugong



Mohd Hanizam bercakap kepada pemberita ketika pemeriksaan SHMMP Krismas 2019 di Giant Tabuan hari ini. Gambar Muhammad Rais Sanusi

KUCHING: Sarawak tidak berkecuali daripada pelaksanaan Operasi Antipencatutan (Ops Catut) 6.0 (PSP) meskipun tidak terlibat dengan Program Subsidi Petrol (PSP).

Ketua Pegawai Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sarawak, Mohd Hanizam Kecek berkata Ops Catut ini bermula 1 Disember 2019 hingga 30 Jun 2020.

"Walaupun Sarawak tidak terlibat dengan Program Subsidi Petrol, kebanyakan barang-barang keperluan diambil daripada Semenanjung Malaysia.

"Oleh yang demikian, secara tidak langsung ini boleh memberi impak terhadap kenaikan harga dan kos pengangkutan barangan yang dibawa masuk dari Semenanjung," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas pemeriksaan harga barangan terkawal sempena Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Krismas 2019 di Giant Tabuan hari ini.

Tambah Mohd Hanizam, Ops Catut itu melibatkan enam kategori barangan iaitu barangan makanan dan minuman, barangan isi rumah, tekstil, perabot, kasut dan barangan elektrik.

Penguatkuasaan katanya akan dilaksanakan ke atas semua peringkat perniagaan merangkumi pengilang, perhasaran am, pengedar, pemborong dan peruncit.

Justeru beliau mengingatkan peniaga untuk tidak menaikkan harga dengan sesuka hati atau mengambil kesempatan untuk mengaut untung yang berlebihan dalam pelaksanaan PSP.

Dalam pada itu selain pemeriksaan ke atas barangan di bawah SHMMP Krismas 2019, turut diperiksa harga bagi pakaian sekolah melibatkan 10 jenis pakaian sekolah.

Pemeriksaan bagi pakaian sekolah ini bermula dari 18 Disember 2019 sehingga 3 Januari 2020 di semua negeri.

